



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA

Bagi Minggu 7/2012 (12 hingga 18 Februari 2012)

Pada minggu ke tujuh tahun 2012 iaitu bagi tempoh 12 hingga 18 Februari, sejumlah 585 kes demam denggi dengan satu (1) kematian telah dilaporkan, meningkat sebanyak 72 kes atau 14% berbanding 513 kes juga dengan satu (1) kematian pada minggu sebelumnya (Lampiran A). Kes yang dilaporkan pada minggu ini merupakan jumlah kes yang tertinggi sejak bulan Januari tahun 2012. Sebanyak sembilan (9) buah negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Selangor yang meningkat sebanyak 44 kes (19%), Kelantan 41 kes (256%), Sarawak 12 kes (63%), Pahang 6 kes (60%), Johor 4 kes (14%), Melaka 3 kes (20%), N.Sembilan 2 kes (33%), Sabah 2 kes (17%) dan P.Pinang meningkat sebanyak 1 kes (5%).

Pada tahun 2012, bermula dari 1 Januari hingga 18 Februari, sebanyak 3,511 kes dilaporkan, meningkat sebanyak 247 kes berbanding 3,264 kes bagi tempoh yang sama tahun 2011. Pada tempoh yang sama juga, sebanyak 12 kematian akibat demam denggi dilaporkan berbanding hanya 6 kematian pada tahun 2011.

Pada minggu ke tujuh, satu (1) kematian demam denggi dilaporkan dari Selangor yang melibatkan seorang remaja lelaki berusia 19 tahun. Hasil pemeriksaan mendapati kadar pembiakan Aedes di tempat kediaman pesakit adalah tinggi iaitu 5.8% manakala dua (2) kompaun maksima RM500 juga telah dikeluarkan kepada 2 penghuni premis yang didapati mempunyai pembiakan. Satu gotong-royong perdana telah dijalankan di kalangan masyarakat setempat bagi membasmi tempat pembiakan Aedes yang boleh mengancam kesihatan penduduk sekitar.

Sejumlah 126 lokaliti wabak denggi di 20 buah daerah dipantau di seluruh negara, meningkat 10 berbanding 116 lokaliti pada minggu sebelumnya. Pada minggu ini, dua (2) lokaliti hotspots dilaporkan di WP Kuala Lumpur iaitu Taman Miharja (Miharja Kondo Fasa 3) di zon Cheras dan Flat Sri Melaka B (Blok 24-40) di zon Bandar Tun Razak dengan jumlah kes yang dilaporkan sebanyak 13 kes. Di sepanjang minggu ke tujuh juga, sebanyak 78,570 premis telah diperiksa dengan 1,083 premis di dapati terdapat pembiakan Aedes pada minggu lepas. Sejumlah lapan (8) negeri menunjukkan kadar pembiakan Aedes (AI) melebihi 1% iaitu Perlis (4.05%), Sarawak (3.11%), WP Kuala Lumpur & Putrajaya (2.38%), Pulau Pinang (2.31%), Selangor (2.11%), Kedah (1.63%), Johor (1.58%) dan Terengganu (1.08%).

Dengan peningkatan kes dan lokaliti wabak Denggi, pihak KKM menyeru semua masyarakat terutamanya yang berada di lokaliti berwabak agar peka dengan situasi ini dan mengambil langkah-langkah pencegahan Denggi seperti yang disarankan oleh anggota kesihatan. Tahniah diucapkan kepada penduduk di Taman Gembira, Kuala Lumpur yang turut bersama dalam menjayakan aktiviti Anti-Aedes bersama Duta Sihat 1 Malaysia Kementerian Kesihatan,

Cik Phoebe Yap pada 19 Februari 2012 yang lalu. Begitu juga dengan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kelab Rotary Kuala Lumpur yang turut berganding bahu menjayakan aktiviti ini. Diharapkan kerjasama sebegini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang. Agensi Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang lain juga amat dialu-alukan melaksanakan aktiviti seperti ini serta masyarakat setempat diharap memberi kerjasama sepenuhnya agar persekitaran kediaman masing-masing bebas dari pembiakan nyamuk Aedes. TIADA AEDES, TIADA DENGKI.

DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

20 Februari 2012

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 7/2012
(12 hingga 18 Februari 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 7/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 7/2011
		Minggu 7 (12 – 18 Feb 2012)	Minggu 6 (5 – 11 Feb 2012)		
1	Perlis	4	5	24	19
2	Kedah	12	17	108	90
3	P. Pinang	21	20	140	266
4	Perak	35	39	257	207
5	Selangor	274 (1)	230 (1)	1,581 (7)	1,126 (1)
6	WPKL & Putrajaya	42	49	360 (3)	221
7	N. Sembilan	8	6	60 (1)	86
8	Melaka	18	15	111	80
9	Johor	33	29	224	350 (3)
10	Pahang	16	10	108	181 (1)
11	Terengganu	20	46	147	176 (1)
12	Kelantan	57	16	185	142
13	Sarawak	31	19	131	218
14	Sabah	14	12	73 (1)	98
15	WP Labuan	0	0	2	4
	MALAYSIA	585 (1)	513 (1)	3,511 (12)	3,264 (6)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 7
BAGI TAHUN 2012**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	WPKL	Cheras	Taman Miharja (Miharja Kondo Fasa 3)	5	34
2	WPKL	Bandar Tun Razak	Flat Sri Melaka B (Blok 24-40)	8	31